

RABU • 12.11.2014

HELLO KAMPUS



TIMUR

Buat kajian bidang untuk tingkatkan keberkesanan pengurusan sisa pepejal

UMP, PPSPPA jalin kerjasama

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**
shofi.isa@utusan.com.my

■ KUANTAN 11 NOV.

UNIVERSITI Malaysia Pahang (UMP) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pengurusan Awam (PPSPPA) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi membuat kajian berkaitan bidang yang boleh digunakan untuk meningkatkan keberkesanan terhadap pengurusan sisa pepejal.

Majlis menandatangani MoU itu menyaksikan UMP diwakili Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Mashtah Mohd. Yusoff manakala PPSPPA diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Ab. Rahim Md. Noor dan Pengarah PPSPPA negeri, Datuk Mohd. Nor Afandi Abd. Aziz.

Daing Nasir berkata, kedua-dua pihak akan merealisasikan inisiatif



MoU ini bakal membawa dimensi yang lebih kompetitif dalam konteks hubungan dua hala antara UMP dan PPSPPA."

DR. DAING NASIR IBRAHIM
Naib Canselor UMP

yang dirangka sepanjang tempoh kerjasama membabitkan penyelidikan bersama mengenai pengurusan sisa pepejal dan kerja-kerja penyelidikan serta projek kajian.

"Kerjasama ini juga melibatkan pengkhususan kajian dalam pengurusan sisa pepejal di UMP untuk pembelajaran yang sesuai dengan skop kepakaran PPSPPA serta pembangunan produk-produk inovasi secara kerjasama antara kedua-dua pihak.

"MoU ini bakal membawa dimensi yang lebih kompetitif dalam konteks hubungan dua hala antara UMP dan PPSPPA," katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani MoU itu di UMP Kampus Gambang di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Datuk Dr. Mortaza Mohamed dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Teknikal) PPSPPA, Ir. Samusi Alwi.

Sementara itu, Ab. Rahim berkata, melalui kerjasama itu, sebuah pangkalan data akan dibangunkan berkaitan komposisi dan ciri-ciri sisa pepejal di negeri ini dengan fokus kajian terhadap isi rumah, pihak industri dan pusat komersial.

Katanya, enam ciri akan diambil kira bagi setiap kategori untuk membolehkan pangkalan data yang dibuat akan menjadi rujukan dan matlamat perintis dalam menerapkan kaedah serta teknologi sesuai berhubung pengurusan sisa pepejal.



DAING NASIR IBRAHIM (dua dari kiri) dan Mashtah Mohd. Yusoff mewakili UMP manakala PPSPPA diwakili Ab. Rahim Md. Noor (dua dari kanan) dan Mohd. Nor Afandi Abd. Aziz pada majlis menandatangani MoU antara UMP dan PPSPPA di Gambang, Pahang, baru-baru ini.